

**RIMBA HUTAN**  
Horsefield's Babbler

FAMILI: Timaliidae  
NAMA SAINTIFIK: *Malacocincla sepiarium*



#### **CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Rimba Riang, *M. abotti* tetapi bahagian atas badan adalah lebih gelap terutamanya pada bahagian mahkota kepala. Bahagian ini adalah lebih gelap dari bahagian belakang tengkuk di mana terdapat jalur-jalur yang pudar. Pada bahagian dada, terdapat jalur-jalur lebar berwarna kelabu pudar. Bahagian kening mata pula berwarna kelabu manakala bahagian paruh dan ekor adalah pendek. Bagi individu juvenil pula, bahagian atas badan berwarna kemerahan. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 14-15.5 sm.

#### **MAKANAN**

Diet utama adalah terdiri daripada serangga-serangga kecil dan haiwan invertebra. Setengah daripada spesies ini memakan buah-buahan yang bersaiz kecil, biji dan nektar.

#### **HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, kawasan berhampiran sungai pada ketinggian sehingga ke 700 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi *wi-chou-teuu*, di mana nota pertama adalah tinggi dan tajam manakala nota yang kedua adalah pendek manakala nota yang ketiga adalah tinggi dan seakan-akan menjerit.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan April hingga Mei di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan berhampiran dengan kawasan pinggir semak, pada ketinggian sehingga ke 1 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna merah jambu serta terdapat bintik-bintik merah.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.